Publication	**Berita Harian**	**Section /Page No.**	**Rencana / Pg. 30 & 31**
Date	**Mon, 15th Dec 2014**	**Lead Article**	**Yes**
Headline	**Status PRK Tetap Terpelihara Dalam Perlembagaan**		

Status PRK tetap terpelihara dalam Perlembagaan

Kekosongan kerusi DUN, Parlimen tanpa sebab kukuh cetus perdebatan ahli politik, penganalisis

ANWAR PATHO ROHMAN
aanwarpatho.com.my

Sejurus berakhir Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), pentas politik negara terus berbahang apabila tujuh pilihan raya kecil (PRK) membabitkan lima kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan dua kerusi Parlimen terpaksa diadakan.

Lima daripadanya perlu diadakan apabila penyandangnya meninggal dunia, ia membabitkan kerusi DUN Kuala Besut (26 Julai 2013), DUN Sungai Limau (24 November 2013), Parlimen Bukit Gelugor (25 Mei 2014), Parlimen Teluk Intan (21 Mei 2014) dan DUN Pengkalan Kubor (23 September 2014). Dua lagi PRK diadakan berikutan penyandangnya melepaskan jawatan iaitu kerusi DUN Kajang dan DUN Balingian.

Apa yang menjadi perdebatan dalam kalangan ahli politik dan penganalisis ialah adakah wajar PRK diadakan selepas berlaku kekosongan pada kerusi berkenaan tercatat jika pengosongan itu berlaku tanpa sebab yang kukuh atau hanya untuk kepentingan sebarang.

Dapat dilihat, PRK juga membebankan SPR kerana perlu menyediakan dana besar bagi membolehkan pengundi di sesuatu kawasan Parlimen atau DUN memilih wakil rakyat baharu.

Mengikut Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof, pihaknya perlu mengeluarkan antara RM1 juta hingga RM3 juta bagi mengadakan PRK, bergantung kepada faktor tertentu seperti keluasan kawasan, jumlah pusat daerah mengundi (PDM), petugas dan keperluan logistik.

Jadinya, jika setiap PRK menelan belanja hingga RM3 juta, secara purata jika tujuh PRK diadakan sejak PRU-13, bermakna SPR sudah berbelanja lebih RM6 juta setakat ini.

Jika dikira kos mengadakan 16 PRK seperti yang berlaku selepas PRU-12, bermakna SPR terpaksa berbelanja lebih RM16 juta semata-mata bagi mengadakan PRK dalam tempoh kurang lima tahun.

Jumlah sebanyak itu menyamai jumlah geran diagihkan Unit Penerapan Agenda Bumiputera (TERAJU) kepada usahawan Bumiputera menerusi pusingan ketiga Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) yang diagihkan bulan ini.

Itu belum dikira lagi perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh agensi kerajaan lain khasnya Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menempatkan ribuan anggota dan pegawai untuk bertugas di sesebuah kawasan Parlimen atau DUN bagi menjaga keselamatan dan ketenteraman awam untuk rakus serta parti berkempen serta pengundi keluar mengundi dengan selamat dan tenang.

Pembaziran yang wajar

Selain daripada mereka kos tinggi, PRK juga pada tanggapan sesetengah penganalisis dan parti politik adalah satu pembaziran yang wajar dalam undang-undang negara.

Sebaliknya itu, ada penganalisis dan parti politik mencadangkan agar PRK dimansuhkan atau digantikan dengan satu mekanisme lain yang difikirkan lebih praktikal untuk memilih pengganti wakil rakyat yang baharu tanpa SPR atau kerajaan perlu mengeluarkan belanja yang tinggi seperti dianalisa selama ini.

Antara yang mencadangkan agar PRK dimansuhkan ialah Ketua Penerangan PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man yang mengunggap ia lebih sebagai membebankan parti, tetapi menggalakkan parti menabur janji untuk meraih sokongan pengundi.

Kesannya, pengundi dihidangkan tidak lagi memilih calon secara tenang dan jujur, bahkan ia banyak dipengaruhi suasana pada hari pengundian.

Antara, beban mencadangkan parti politik yang menurunji pilihan raya sebelum itu seharusnya diberikan hak menamakan terus pengganti, seperti yang dijalankan di negara jiran tanpa memerlukan pilihan raya kecil.

Dengan itu, SPR tidak perlu mengadakan PRK dan parti politik tidak perlu bersusah payah mengeluarkan belanja menghadapi pilihan raya.

Idea sama turut dikemukakan Penyelaras Kanan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr P Sivamurugan dalam Seminar Pilihan Raya Kecil anjuran Majlis Profesor Negara (MPN), baru-baru ini.

Beliau menyarankan kaedah hampir sama seperti dicadangkan Tuan Ibrahim, tetapi mencadangkan idea agak radikal iaitu calon yang tewas dalam pilihan raya sebelum itu diberi hak menggantikan wakil rakyat yang meninggal atau melepaskan jawatan.

Dengan cara itu katanya, ia akan menjimatkan masa dan wang selain pihak sama ada parti, SPR dan semua agensi kerajaan yang terlibat dengan PRK seperti sebelumnya.

Selain itu, Sivamurugan turut mencadangkan agar undang-undang pilihan raya diperkuat agar tindakan lebih berat dikenakan terhadap wakil rakyat yang sengaja mengosongkan kerusi tanpa alasan kukuh atau munasabah.

Tiga penulis sengaja kosongkan kerusi

Malah katanya, kerajaan wajar membuat satu undang-undang yang dapat mengenakan penalti kepada wakil rakyat yang sengaja mengosongkan kerusi, termasuk mereka yang terpaksa mengosongkan kerusi kalau mereka parti.

"Kita dalam perkara ini terikat dengan perkara termaktub dalam Perlembagaan. Jika kita berdiri memerlukan demokrasi dan sistem pilihan raya, semuru wajar dilakukan untuk memperbaikinya.

"Kita memerlukan tahap politik yang kuat untuk pergi ke arah itu. Mungkin pada masa sekarang belum mungkin relevannya, tetapi mana hadapan mungkin perlu," katanya.

Apa yang nyata, kekosongan kusa undang-undang yang wujud hari ini sebenarnya bukan sahaja membabitkan kuasa dan wang semata-mata, sebaliknya boleh mencetuskan krisis kepada pentadbiran sesebuah negeri seperti yang berlaku di Selangor baru-baru ini.

Disebabkan perbuatan melepaskan jawatan wakil rakyat tidak menjadi satu kesalahan di sisi undang-undang, maka Selangor terpaksa berdepan krisis pentadbiran berpanjangan apabila pemimpin pakatan pembangkang berebut jawatan Menteri Besar.

Ini disebabkan tindakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kajang, Lee Chin Cheh daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR) melepaskan jawatan semata-mata bagi membantu partinya menjatuhkan Langkah Kajang.

Rentetan asal langkah Kajang adalah bagi memberi laluan kepada pemimpin parti Ibu, Anwar Ibrahim bertanding di DUN berkenaan agar cita-cita PKR untuk melantik Ketua Pembangkang itu menjadi Menteri Besar Selangor tercapai.

Chin Cheh meletak jawatan sebagai ADUN Kajang kerana tidak lepas bulan selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) diadakan.

Mendapat tentangan banyak pihak

Tindakan Chin Cheh dan PKR itu mendapat tentangan banyak pihak termasuk PAS yang menganggap ia mencabuli amalan demokrasi dan mempermainkan rakyat khasnya pengundi Kajang.

Walaupun tidak menjadi satu kesalahan dari sudut peruntukan dan Akta SPR, namun SPR tetap perlu mengadakan PRK di DUN berkenaan mengikut Perkara 48 Perlembagaan.

Malangnya, Langkah Kajang gagal dijangkan mengikut perancangan apabila Anwar didapati tidak layak bertanding kerana berdepan dengan sayuan isu liwat menyebabkan PKR mencalonkan Presidennya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bertanding di situ.

Bagaimanapun, kemenangan dicapai Dr Wan Azizah tetap tidak melayakkan dirinya dilantik menjadi Menteri Besar Selangor, sekali gus menyebabkan Selangor melalui krisis pentadbiran kerana pakatan pembangkang saling berbalah dalam menentukan siapa yang layak menjadi Menteri Besar.

Akhirnya, Istana Selangor terpaksa campur tangan untuk menyelesaikannya. Kesannya, krisis jawatan Menteri Besar Selangor mungkin boleh dielakkan jika penyandang DUN Kajang tidak melepaskan jawatannya tanpa sebab.

Namun disebabkan perlu tunduk kepada arahan pucuk pimpinan parti, penyandangnya melepaskan jawatan bagi membuka PRK diadakan. Malangnya, krisis yang timbul akibat daripada tindakan itu tidak diambil kira oleh parti dan wakil rakyat yang terbabit.

Sebaliknya, apa yang berlaku di Kajang berbeza dengan apa yang berlaku di DUN Balingian kerana penyandangnya, Tun Abdul Taib Mahmud yang juga Ketua Menteri Sarawak ketika itu perlu mengosongkan kerusi berkenaan kerana dipilih menjadi Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Kategori bagi menggantikan Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng yang tamat tempoh perkhidmatan pada 28 Februari 2014.

Lebih sepat lagi, PRK di DUN Balingian tidak menimbulkan krisis pentadbiran kepada kerajaan Sarawak kerana proses pemilihan kuasa dirancang dengan teliti dan mendapat konsensus sebarang parti komponen Barisan Nasional (BN), bahan-seperti yang berlaku pada parti pembangkang di Selangor.

Kesimpulannya, kedudukan dan status PRK tetap terpelihara di sisi Perlembagaan. SPR juga tetap terikat dengan fungsinya menyelaraskan pilihan raya termasuk PRK mengikut kuasa yang termaktub dalam Perkara 54 Perlembagaan.

Apa yang perlu difahamkan, kuasa mutlak Perlembagaan dalam hal-hal yang menyentuh fungsi dan kuasa SPR serta perjalanan pilihan raya hanya boleh dilakukan oleh Ahli Parlimen di Dewan Rakyat.

"Selagi tiada pindaan, SPR akan tetap menerukan fungsinya seperti termaktub dalam Perlembagaan dan mengikut Akta SPR.

"Begitu juga PRK, ia tetap perlu diadakan jika berlaku kekosongan kerusi DUN atau Parlimen selagi bukan sampai tempoh terlubar seratus," kata Abdul Aziz mengakhiri ucapan perasmian seminar berkenaan.

SPR memberikan sepenuh masa bagi **menjaga keselamatan petugas dan ketenteraman pengundi.**

PRK diadakan selepas berlaku kekosongan kerusi DUN, Parlimen.

"SPR memperuntukkan antara RM1 juta hingga RM2 juta bagi mengadakan PRK, bergantung kepada ***faktor tertentu seperti keluasan kawasan, jumlah pusat daerah mengundi (PDM), petugas dan keperluan logistik"***

Abdul Aziz Mohd Yusof,
Pengerusi SPR